

07 DEC 2002

Muhyiddin-Ceti

MUHYIDDIN MAHU TEE KIAT DEDAH ORANG POLITIK LINDUNGI CETI HARAM

MUAR, 7 Dis (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mahu Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Kiat mendedahkan nama orang politik yang didakwa melindungi ceti haram.

Katanya, jika benar Ong mengetahui siapa orang politik terbabit, beliau perlu mendedahkannya supaya tidak timbul kebimbangan dan kesangsian serta syak wasangka rakyat terhadap orang politik.

"Ong patut membuat laporan terus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika dia tahu siapa yang terlibat," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka di kediamannya di Jalan Timbalan di sini.

Muhyiddin yang juga Naib Presiden Umno dan Ketua Umno Bahagian Pagoh berkata Ong tidak patut berahsia tentang nama orang yang didakwa terlibat dalam kegiatan ceti haram itu dan kalau pun tidak mahu mendedahkannya kepada umum, Ong patut menyampaikan maklumat melalui saluran yang berkenaan.

Ini supaya siasatan dapat dijalankan, katanya, yang tidak mahu sebarang kenyataan rambang mengakibatkan orang ramai mulai sangsi siapa orang politik yang berkenaan dan dari parti mana sama ada MCA, Umno, Gerakan atau Pas.

"Betulkah mereka orang politik?... Jadi seelok-eloknya Yang Berhormat Ong beri laporan tepat, jangan buat orang ramai suspens saja," katanya.

Muhyiddin berkata bukan saja soal siapa orang politik yang terlibat yang perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan, tetapi sesiapa juga yang menjadi ceti haram mesti dikenakan tindakan sewajarnya.

Menjawab soalan pemberita, beliau berkata semua pihak harus melihat masalah ancaman ceti haram itu secara objektif untuk membendungnya daripada terus menular, termasuklah dengan melihat perundangan yang ada dan penguatkuasaannya.

"Kita kena tengok semula undang-undang yang ada, yang mungkin tidak cukup kemas dan perlu dipinda," katanya, yang menambah bahawa kementeriannya bersedia memikul tanggungjawab jika undang-undang berkaitan mahu diletakkan di bawah bidang kuasa kementerian itu.

-- BERNAMA

SO MNY ZB